

## Hubungan Campa dengan Tanah Semenanjung dan Kepulauan Melayu

PO DHARMA

### ABSTRAK

*Kerajaan Campa yang berkuasa sepenuh di kawasan pantai timur Semenanjung Indocina mulai abad ke-7 adalah berkesinambungan dengan kerajaan Melayu Linggi yang wujud sejak abad ke-2. Sama seperti kerajaan Melayu Sri Wijaya dan Majapahit, ia merupakan kerajaan Melayu-Buddha yang kemudiannya menerima Islam pada abad ke-16. Ia mulai mempunyai hubungan yang erat dengan Dunia Melayu inti (Semenanjung dan Kepulauan Melayu-Nusantara) mulai abad ke-8 hinggalah ke hari ini. Pelbagai aspek kebudayaan seperti bahasa, sastera, adat resam, sistem kepercayaan, tradisi lisan, dan kesenian menunjukkan persamaan serta pengaruh daripada tamadun Melayu di Nusantara. Jelas bahawa tamadun dan kebudayaan Campa adalah sebahagian daripada tamadun Dunia Melayu yang lebih luas.*

### ABSTRACT

*The Kingdom of Campa which encompasses areas along the east coast of Indocina is a continuation of the earlier Kingdom of Linggi which came into existence since the second century. Like the kingdoms of Sri Wijaya and Majapahit, it was 'Indianised' until the 16th century when most of the Cham Malays embraced Islam. It has a closed ties with the Malay Peninsular and Archipelago politically, economically and culturally since the 8th century until today. It also shares common cultural traditions in aspects like language, literature, customs, belief system, oral tradition, and arts. Perhaps the Cham people forms as part of the Malay cultural world and not the Indo-Chinese world.*

Sejak dahulukala telah wujud sebuah kerajaan di pesisiran pantai Vietnam Tengah di antara garis lintang 17 dan kota Saigon. Pada prasasti bertarikh awal abad ke-17, kerajaan ini disebut dengan nama Campa. Ia merupakan satu kesinambungan dari kerajaan Lin-yil [Linggi] yang didirikan pada akhir abad ke-2 (Stein, R. 1947; Maspero 1928; Coedes 1964).

Kerajaan ini bukan sebuah kerajaan pusat sepertimana yang sering diperkatakan, tetapi adalah satu persekutuan (*federation*) yang sistem politiknya sama dengan Malaysia hari ini. Ia terdiri dari lima negeri yang masing-masing diberikan otonomi politik. Negeri-negerinya ialah Indrapura, Amarawati, Vijaya, Kauthara dan Pandurangga (Po Dharma 1987).

Sebenarnya Campa adalah sebuah kerajaan berkebudayaan sanskrit. *Ciwaisme* adalah agama utama yang diamalkan di istana, sementara *Wisnoisme* dan *Buddhisme Mahayana* juga berpengaruh pada zaman tersebut. Islam diamalkan semenjak abad ke-16. Agama Islam tidak sahaja diamalkan oleh pemerintah pusat tetapi juga oleh sebahagian besar penduduk di sepanjang pantai timur. Banyak tempat seperti keramat agama, bangunan istana, tinggalan sejarah dan kebudayaan yang masih wujud sampai sekarang di Vietnam tengah menjadi saksi tingkat tamadun yang berjaya dicapai di negeri itu (Parmentier 1909, 1918; Stern 1942; Leuba 1923; Boisseelier 1963).

Perluasan kuasa Vietnam ke arah selatan dilakukan berturut-turut pada tahun-tahun 1069 – 1307, 1471, 1611, dan 1653 telah merubah peta Campa. Seterusnya, pada tahun 1835 kaisar Vietnam, Minh Menh telah memetakan Campa secara pasti, dan daerah tersebut dirangkumkan ke dalam pentadbiran Vietnam. Berikutan ini, rakyat Campa menjadi warganegara yang berkebudayaan Viet (Po Dharma 1987, 1990 (b); Maspero 1928; Le Thanh Khoi 1955, Phan Khoang 1969).

Campa dianugerah dengan ribuan kilometer pantai dan kekayaan alam semula jadi dengan pelbagai jenis ikan, kayu-kayan berharga, rempah ratus, dan sebagainya. Lokasi geografinya memberi Campa kedudukan yang strategik dalam lalu-lintas laut antara Cina dan negar-negara di Lautan India sepanjang abad ke-19. Hal ini juga memberi gambaran hubungan yang rapat antara kerajaan Campa dan alam Melayu dalam bidang politik, perdagangan, kebudayaan dan agama.


Perhubungan antara Campa dan alam Melayu telah pun wujud sejak abad ke-8 lagi. Umpamanya, setelah mengukuhkan kekuasaannya di laut Campa dan di Kepulauan Nusantara, Sri Wijaya (dalam ertikata kepulauan dan Semenanjung Tanah Melayu) kemudian menyerang Campa. Serangan tentera ini tidaklah berlaku begitu lama kerana hubungan antara kedua negara ini segera pulih pada abad-abad berikutnya. Hubungan persahabatan ini telah diperkukuhkan berlipat ganda seperti terbukti dengan lawatan pembesar-pembesar tinggi Campa ke Jawa pada abad ke-9, kedatangan seorang duta Sri Wijaya ke Campa pada akhir abad ke-10, perkahwinan Raja Campa dengan seorang puteri Melayu Jawa pada akhir abad ke-13, dan perkahwinan saudara perempuan raja Campa dengan pengeran Majapahit pada abad ke-15 (Lafont 1988).

Pada abad ke-15 Campa menjalin hubungan yang rapat dengan Semenanjung Tanah Melayu melalui beberapa ikatan politik. Antara lain, Melaka menjadi tempat pelarian bagi sejumlah besar pembesar-pembesar istana Campa selepas penawanan ibu kotanya oleh tentera Vietnam dalam tahun 1471. Sehingga ke akhir abad ke-15 dan permulaan abad ke-16, pelarian-pelarian politik ini dapat menikmati perlindungan dengan memperoleh hak istimewa seperti menduduki jawatan-jawatan penting di istana Sultan Melaka. Di samping itu, sumber-sumber lain menyatakan bahawa dalam tahun 1594 raja Campa memberi bantuan tentera kepada Sultan Johor untuk membantu perjuangannya menentang Portugis, sementara sumber Belanda tahun 1607 menyatakan hubungan antara Sultan Johor dan Campa ini terus berlangsung dalam suasana yang baik. Pada waktu yang sama Padri Mahot menyatakan dalam suratnya yang dialamatkan kepada Missionari Katolik Paris, bahawa terdapat sejumlah orang berasal daripada Semenanjung Tanah Melayu yang dikatakan menyibar agama Islam di Campa (Lafont 1988). Pada permulaan abad ke-17, dokumen sejarah Kerajaan Campa pula ada menyatakan Putera Mahkota Raja Campa, Po Rome (1627 – 1653) membuat lawatan selama satu tahun ke Kelantan di mana beliau mendalami pelajaran agama Islam dan mengahwini seorang puteri di negeri itu (Po Dharma 1978). Mengikut kajian Abdullan bin Mohamad (Nakula), keturunan puteri ini menjadi penguasa di Campa yang kemudiannya menjadi titis kepada nenek moyang Sultan Kelantan sekarang.


Hubungan antara Campa dan alam Melayu diperbaharui terus menerus hingga ke awal abad ke-19. Antara lain, ini disebabkan oleh gerakan Islam yang bercita-cita untuk membebaskan Campa dari penjajahan Vietnam, khususnya gerakan tahun 1832 yang dipimpin oleh seorang pemimpin Islam terkenal Katip Sumat yang dikatakan telah pergi ke Serambi 'Mekah' iaitu Kelantan (Po Dharma 1987).

Dalam berbagai aspek hubungan politik ini, Campa dan alam Melayu tetap mempertahankan kepentingan bersama kegiatan laut antara dua pantai. Di samping itu, mulai abad ke-11 hubungan perdagangan juga semakin meningkat. Seterusnya menurut P. B. Lafont (1988), dengan wujudnya jalinan jalan perdagangan laut semenjak abad ke-13, pelayar-pelayar daripada Campa sering ditemui di pantai Nusantara khususnya di Semenanjung Tanah Melayu. Sepanjang abad berikutnya pula P. Y. Maguin (1972, 1976) menegaskan bahawa ekonomi kedua negara makin berkembang, dan ini berterusan sepanjang abad ke-16 hingga abad ke-18, sebagaimana dibuktikan oleh sumber-sumber Portugis, Sepanyol dan Belanda.


Dengan peminggiran hubungan politik dan perdagangan seperti mana yang tersebut di atas, Campa tidak lagi dikenali oleh Dunia



Peta Kerajaan Campa (sumber: Po Dharmma)



Peta Indochina (sumber: Po Dharma)



Peta taburan penggunaan bahasa Melayu - Polinesia (sumber: Po Dharma)

Melayu. Namun begitu negeri ini tetap menjadi objek perhatian dari berbagai aspek dalam tulisan-tulisan rasmi dan tradisi tempatan. Antara yang dirasakan perlu disebut termasuklah *Sejarah Melayu*, *Hikayat Banjar*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Raja Muda*, Puteri Campa dalam *Hikayat Hassanuddin* dan juga makalah "Le Campa dans la litterature Malaise" oleh Abdul Rahmad Al-Ahmadi (1988), iaitu kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Kebudayaan Campa di Copenhagen 1987. Pendek kata penggunaan nama Campa seperti Pengkalan Cempa, Kampung Cempa, Song Cempa, Tanjak Cempa, Sanggol Cempa, Padi Cempa, Keris Cempa, Harimau Cempa dan sebagainya membuktikan lumrahnya nama Campa dalam toponymic dan filologi Melayu.

Hubungan yang rapat dan beraneka antara dua wilayah ini, khususnya dalam lapangan politik dan perdagangan, melahirkan kesan saling mempengaruhi di antara satu sama lain dalam bidang bahasa, budaya, adat resam dan agama. Bahasa adalah satu faktor dominan yang memperlihatkan unsur pengaruh timbal-balik yang wujud di masa lampau antara Campa dan alam Melayu. Sama seperti orang Melayu, orang Campa bercakap satu bahasa yang tergolong dalam keluarga bahasa Melayu-Polinesia atau Austronesia (Haudricourt 1950, 1966). Contoh berikut yang memperlihatkan persamaan antara percakapan Cam dan Melayu menunjukkan bahawa kedua bahasa adalah dari satu keluarga yang sama:

Percakapan Cam	:	Mada urang brei thuv yang anak
Percakapan Melayu	:	Ada orang memberitahu yang anak
Percakapan Cam	:	lakei kami mahu minyum ayar tasar dan beli
Percakapan Melayu	:	laki kami mahu minum air susu dan beli
Percakapan Cam	:	lima buah panah, dualapan buah cavan
Percakapan Melayu	:	lima buah nanas, lapan buah cawan
Percakapan Cam	:	patih salapanbuah paring mrah, sapuluh
Percakapan Melayu	:	putih sembilan buah piring merah, sepuluh
Percakapan Cam	:	cermin mata hitam baru
Percakapan Melayu	:	cermin mata hitam baru

Selain daripada perbendaharaan kata dan sintaksis di atas, sastera Campa juga menerima pengaruh yang penting dari sastera Melayu. Perbendaharaan kata Melayu yang digunakan dalam bahasa Campa sekarang adalah dalam lingkungan peratus yang tinggi. Penggunaan perbendaharaan kata Melayu dalam sastera dan percakapan harian pula menunjukkan penutur terdiri dari golongan atasan dalam masyarakat. Ini menunjukkan bahawa kehadiran orang Melayu sentiasa hidup dalam ingatan rakyat Campa pada hari ini.

Perbendaharaan kata-kata Melayu digunakan dalam dua keadaan yang istimewa. Pertama, lebih banyak istilah-istilah teknik dan akademik Melayu digunakan seperti: tvan (tuan), akayet (hikayat), tahan (Tuhan). Kedua, percakapan-percakapan harian umumnya digunakan dalam bentuk gandaan untuk memberi nilai akustik kepada konstruksi ayat seperti berikut: Makan huak (makan-makan), kerjangak (kerja-kerja), dan angan (dengan-dengan).

Baru-baru ini ditemui beberapa kamus Melayu-Campa dalam tulisan Campa (Po Dharma 1981, 1990a) yang menurut tradisi di abad ke-17 memberi nilai penting kepada jaringan kebudayaan antara kedua wilayah tersebut. Penerbitan kamus dalam bentuk salinan tangan, penyebaran teks kepada orang ramai serta penggunaan karya-karya sastera dalam upacara tarian besar yang disebut Rija – semuanya tidak boleh dilakukan tanpa izin pihak kerajaan. Ini membuat kita berfikir mungkin wujudnya satu proses difusi bahasa Melayu dalam sekolah-sekolah di Campa. Sekiranya perkara ini dapat dipastikan, ia memungkinkan kita mengemukakan pertanyaan untuk mengetahui apakah Dunia Melayu pada masa itu sudah pun terfikir untuk mendirikan pusat kebudayaan di negara-negara tetangga bagi memperkenalkan identiti politik dengan mempertingkatkan pengetahuan bahasanya yang sekaligus memperkenalkan kebudayaannya kepada orang-orang asing.

Melihat Campa dahulu (dan juga sekarang), jelaslah kesan pengaruh negeri-negeri di Kepulauan dan Semenanjung Tanah Melayu ke atasnya, terutama apabila dilihat tamadun Kepulauan dan Semenanjung Tanah Melayu yang tinggi dan indah yang tidak terfikir oleh orang-orang Campa mampu untuk memperolehnya. Tamadun dari Dunia Melayu ini telah memberi sumbangan yang tidak ternilai kepada Campa. Ia merupakan bukti yang penting tentang pengaruh ilmu pengetahuan Melayu ke atas masyarakat Campa khususnya dalam bidang perbomohan, ilmu tenung, ilmu kebal, perbidanan, perburuan, pembersihan, ilmu jinak, tafsir mimpi, serta ramalan bekerja dan berjalan. Turut juga diterima dari Dunia Melayu ialah bidang astrologi, kosmologi, ilmu kandungan dan sistem kalendar Arab (P.B. Lafont, Po Dharma & Nara Vija 1977; Po Dharma 1981).

Buku-buku epik Campa juga tidak lepas dari pengaruh ini, kerana dua epik besar kesusasteraan Melayu yang begitu popular telah menjadi sebahagian khazanah sastera klasik Campa. Mengikut M. Chambert Loir (1988) *Hikayat Inra Putra* dan *Akayat Dewa Mano* adalah adaptasi dari sastera klasik Melayu *Hikayat Indraputra* dan *Hikayat Dewa Mandu*.

Bukan setakat sastera klasik sahaja yang diperkenalkan kepada masyarakat tradisi Campa, tetapi kebudayaan Melayu juga memainkan peranan dalam kepercayaan tempatan di negeri tersebut. Upacara tarian

yang disebut 'Rija' memberi bukti sejarah tentang perkara ini. 'Rija' atau 'Tarian Puteri Raja' ialah suatu upacara memperingati dua orang putera dan perajurit-perajurit Melayu di Campa semasa mereka mengadakan ekspedisi untuk membantu Campa menentang serangan kuasa asing. Perayaan ini ialah pesta istana di Campa yang diadakan selama 7 hari 7 malam di mana terdapat permainan orkestra tradisi yang menggunakan empat alat muzik terkenal di Kelantan yang serupa namanya iaitu sari-nai (serunai), ganang (gendang), ceng (gong) dan barana (rebana). Dalam upacara ini cerita kehadiran putera-putera dan tentera-tentera Melayu di Campa didendangkan dalam bahasa Melayu. Pada akhir pesta itu orang menghanyutkan perahu miniatur ke arah kuala sebagai simbol belayar kembali ke tanah air asal mereka iaitu Tanah Jawa (P-B Lafont, Po Dharma & Nara Vija 1977; Po Dharma 1981).

Orang-orang Cam di Kemboja dan bahagian paling selatan Vietnam, di Chau Doc adalah orang Islam ortodoks. Tetapi di Campa sekarang, khususnya di Phanrang dan Phanri, satu pertiga daripada penduduk Campa yang pertama kali menerima Islam ialah orang Bani (Keturunan Nabi). Mereka tidak mengamalkan ajaran Islam seperti yang terdapat di negara Islam lainnya. Sebaliknya lima rukun Islam (kalimah, solat, zakat, puasa dan haji) semuanya dikuasai oleh pembesar-pembesar agama yang mencorakkan masyarakat dari segi kehidupan dan amalan Islam mereka. Umpamanya orang-orang Bani di negeri ini bersembahyang melalui pembesar-pembesar agama mereka.

Di samping itu masjid adalah rumah Allah yang terbuka hanya kepada peringkat masyarakat tertentu sahaja. Mereka yang berhak masuk masjid adalah imam, khatib, raja dan pembesar-pembesar negeri. Masjid bukan untuk sembahyang Jumaat tetapi digunakan waktu bulan Ramadhan, perlantikan khatib atau imam dan pada waktu perayaan rasmi negara, teristimewa waktu pertabalan dan kematian raja, walaupun raja tersebut menganut ajaran Hindu. Dalam menunaikan kewajipan Islam, imam dan khatib di zaman dahulu pergi ke 'Mekah' yang sebenarnya Kelantan dan bukan Mekah di Arab Saudi.

Masjid adalah rumah biasa yang senibinanya memperlihatkan banyak persamaan dengan masjid di Kampung Laut di Kota Bharu yang dipercayai dibangunkan mengikut tradisi oleh satu rombongan pelaut-pelaut yang datang dari Campa dalam perjalanan ke Jawa.

Penelitian P.Y. Manguin (P-Y Manguin 1979) menjelaskan bahawa penyebaran Islam di Campa muncul di hujung abad ke-16. Sementara itu tradisi Islam dalam negara ini tinggal sebagai satu subjek yang tidak ditulis. Penerangan mengenainya rata-rata berdasarkan kepada tradisi lisan. Sebelum abad ke-16, Campa bukanlah sebuah negara Islam. Pedagang-pedagang Melayulah yang pertama kali menyebarkan Islam, adat resam, tulisan jawi, dan kalender jawi kepada orang Campa.




Orang-orang Campa tinggal dalam lingkungan kampung yang terdiri dari dua atau tiga keluarga. Rumah-rumah didirikan atas tiang yang rendah sementara hiasan bahagian dalam memperlihatkan wujudnya satu pengaruh timbal balik dengan rumah Melayu. Dari segi pakaian pula, pakaian orang perempuan dan juga lelaki termasuk kain tutup kepala mereka tidak ada bezanya sama sekali dengan apa yang digunakan oleh orang Melayu di Malaysia.

Orang-orang Campa, baik Islam mahupun bukan Islam, mengamalkan adat perpatih. Adat ini masih lagi diamalkan di Dunia Melayu, khususnya di Negeri Sembilan dan Minangkabau (Sumatera). Kaum wanita melamar lelaki dalam perkahwinan, tetapi dalam banyak keadaan kaum lelaki melamar wanita. Mengikut adat di Campa orang lelaki tinggal di rumah perempuan. Sebagai suatu penghormatan moral, kaum lelaki adalah ketua keluarga, sementara orang perempuan mempunyai hak ke atas anak-anak dan harta benda walaupun pasangan itu berkongsi mata pencarian sepanjang perkahwinan mereka (P-B Lafont 1964).

Di zaman dahulu adat ini diamalkan di kalangan keluarga raja kerana perwarisan takhta raja adalah mengikut nisab keturunan ibu dan kekuasaan boleh pindah kepada orang-orang yang berasal dari sebelah ibu. Secara keseluruhannya hubungan antara suami isteri dapat dirujuk kepada adat perpatih yang dipatuhi oleh setiap orang Campa. Apa yang berasal dari ibu mesti kembali kepada ibu. Menurut adat ini sesudah penceraian atau kematian isteri, orang lelaki pulang ke rumah asalnya dengan tangan kosong (sehelai sepinggang) kerana pakaian dan seluruh harta benda adalah hak sebelah ibu.

Hubungan antara Campa dan Dunia Melayu tidak hanya di bidang politik dan ekonomi saja, tetapi juga dalam bidang kesenian seperti terbukti dengan tinggalan-tinggalan yang dijumpai di Chaiya (Patani) yang memperlihatkan banyak persamaan dengan bentuk Campa. Mengikut Lafont (1988) Campa di zaman Vijaya (abad 11 - 15) mempunyai seni-bina di zaman Kerajaan Sri Wijaya sementara seni monumen, seni patung dan seni hiasnya juga memperlihatkan pengaruh artistik tamadun tersebut. Di samping itu alatan dan teknik mengerjakan perusahaan tenun Campa dari dahulu hingga sekarang adalah sama seperti di Malaysia. Dan lagi, bentuk motif dan pemilihan warna juga sama dengan seni hiasan Melayu (Abdul Rahman Al-Ahmadi 1988).


Dalam memperkatakan satu subjek yang luas seperti hubungan kebudayaan Melayu dengan Campa, tulisan ini hanyalah ringkas dan tidak lengkap. Sesungguhnya ia merupakan tulisan awalan, namun ia berusaha memberi penerangan tentang aspek konteks dan hubungan tertentu antara dua wilayah Melayu di zaman dahulu serta diharap dapat memberi erti yang besar kepada pengenalan sejarah kebudayaan di




Bangunan yang hampir sama dengan Masjid Kampung Laut, Kelantan



Guru (mufti Islam)



Perempuan tua (Islam)



Wanita terpelajar




Wanita kampung



Penari tarian kipas



Imam



Pembesar Islam (Guru, Imam dan Khatib)



Dunia Melayu. Seterusnya ia menyerlahkan hakikat bahawa kepulauan Nusantara dan Semenanjung Tanah Melayu di zaman lampau telah membina satu dunia yang aman dan dinamik yang mengamalkan satu cara politik terbuka terhadap Indochina, khususnya Campa, melalui hubungan diplomatik yang baik. Ini semua dilaksanakan bukan sahaja melalui jalinan perdagangan serta pengaruh politik, tetapi juga melalui pengaruh dan peningkatan pengetahuan kebudayaan, sastera, bahasa dan agama.

Sehubungan dengan itu, satu kajian mendalam tentang hubungan kebudayaan Melayu dan Campa dan juga dengan Indochina selayaknya mendapat perhatian yang khusus. Ini akan dapat menjelaskan bila dan sejauh mana kebudayaan Dunia Melayu telah meninggalkan pengaruh politik dan kebudayaannya di zaman dahulu. Kajian seperti ini merupakan bahan yang amat penting untuk memahami sejarah dan sempadan wilayah budaya Melayu di Asia Tenggara.

Melalui artikel ini dapatlah dikatakan bahawa Campa bukanlah jiran yang asing bagi Dunia Melayu, tetapi sepupu dari keluarga bahasa dan budaya yang sama. Negeri Campa, dari segi sejarah dan kebudayaannya, lebih merupakan sebahagian daripada Dunia Melayu dan bukannya sebahagian daripada Dunia Indochina.

#### NOTA

Kertas kerja ini asalnya ditulis dalam bahasa Perancis dan telah dibentangkan di Seminar IBKKM, UKM, 10 Februari 1988. Saya mengucapkan terima kasih kepada Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi yang membantu menterjemahkan kertas kerja ini ke dalam Bahasa Malaysia.

#### REFERENCES

- Abdullah bin Mohamed (Nakula). 1981. *Keturunan Raja-Raja Kelantan dan Peristiwa-Peristiwa Bersejarah*. Kota Bharu, Kelantan.
- Abdul Rahman Al-Ahmadi. 1988. Le Campa dans la litterature malaise. *Actes du seminaire sur le Campa a Copenhague*. Paris: Travaux du CHCPI, 107 - 120.
- Blood, D.L., Blood DW., Lee EW. 1977. Chamic studies. *South East Asian Linguistics, No. 4, Pacific Linguistics*.
- Boisselier, J., 1963. *La statue de Champa*. Paris: Publication de l'EFEO.
- Chambert-Loir, H. 1988. Notes sur les relations historiques et litteratures entre le Campa et le Monde malais. *Actes du seminaire sur le Campa a Copenhague*. Paris: Travaux du CHCPI, 107 - 120.
- Coedes, G. 1964. *Les Etats hindouises d'Indochine et d'Indonesia*. Paris.
- Haudricourt, A.G. 1950. Les consonnes preglottalise en Indochine. *Bulletin de la Societe linguistique de Paris XLVI*.
- \_\_\_\_\_. 1966. The limites and connections of austroasiatic linguistics. *The Northeast studies in comparative austroasiatic linguistics*. London.

- Lafont, P-B. 1964. Contribution a l'etude des structures sociales des Cham du Viet-Nam. *BEFEO*, LII: 157-172.
- \_\_\_\_\_. 1988. Aperçu sur les relations entre le Campa et l'Asie du sur-Est. *Actes du séminaire sur le Campa a Copenhague*. Paris: Travaux du CHCPI, 71-82.
- Lafont, P-B, Pô Dharma et Nara Vija. 1977. *Catalogue des manuscrits des bibliothèques françaises*. Paris: Publication de l'EFEO.
- Le Thanh Khoi. 1955. *Le Vietnam: Histoire et Civilisations*. Paris.
- Leuba, J.. 1932. *Un royaume disparu: Les Chams et leurs arts*. Paris et Bruxelles.
- Manguin, PY. 1972. Les Portugis sur les côtes du Viet Nam et du Campa (XVle, XVllc, XVlllc siècles). Paris: Publication de l'EFEO.
- \_\_\_\_\_. 1976. La traversée de la mer de Chine méridionale des détroits à Canton jusqu'au 17e siècle. *Acte du XXIXe congrès international des Orientalistes*, Volume 2. Paris.
- \_\_\_\_\_. 1979. Introduction de l'Islam au Campa. *BEFEO*, LXVI: 255-287.
- Manuscrit cam:
1. - Manuscrit cam 146 (2)
  2. - Manuscrit cam 193 (2)
  3. - Manuscrit cam 194
  4. - Manuscrit cam 195
  5. - Manuscrit cam 208
  6. - Manuscrit cam 208.
- Maspero, G. 1928. *Le Royaume de Campa*. Paris.
- Moussay, G. 1975. *Akayet Deva Mano*. These de l'EPHE, Sorbonne.
- Nara Vija. 1976. *Akayet Inra Putra*. These de l'PEPHE, Sorbonne.
- Permentier, H. 1918. *Inventaire descriptif des monuments cam de l'Annam* (tomes I et 2). Publication de l'EFEO.
- Phan Khoang. 1969. *Viet su xu dang trong 1558-1777*. [Sigon,
- Pô Dharma. 1978. *Chroniques du Panduranga*. These de l'EPHE, Paris.
- \_\_\_\_\_. 1981. *Complément au Catalogue des manuscrits cam des bibliothèques françaises*. Paris: Publication de l'EFEO.
- \_\_\_\_\_. 1987. *Le Panduranga (Campa). Ses rapports avec le Vietnam (1802 = 1835)*. Paris: Publication de l'EFEO.
- \_\_\_\_\_. 1990a. Note sur six lexiques malais-cam se trouvant dans les bibliothèques françaises. *Communication au 33e congrès ...* Toronto.
- \_\_\_\_\_. 1990b. Le déclin du Campa entre le XVIIe et le XIXe siècles. *Communication à la conférence internationale sur le Campa et le Monde malais*. Berkeley University.
- Stein, R. 1947. *Le Lin yi. Sa contribution sa localisation à la formation du Campa et ses liens avec la Chine*. Han Hiue, Pékin.
- Stern, Ph. 1942. *L'art du Champa (Ancien Annam) et son évolution*. Toulouse.
- EFEO (Pusat Penyelidikan Timur Jauh, Perancis)  
 d/a Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan,  
 Menara Dato Onn PWTC,  
 45 Jalan Tun Ismail,  
 50480 Kuala Lumpur.